



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2022**

Semua Pelajar Pascasiswazah

Saudara/i,

**PELANJUTAN TEMPOH PENDAFTARAN AWAL KURSUS/TESIS/DISERTASI SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022 BAGI PELAJAR PASCASISWAZAH**

Dengan hormatnya Pekeliling Akademik Bil. 34/2021 mengenai Pendaftaran Awal Kursus/Tesis/Disertasi Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 adalah dirujuk.

Sehubungan dengan itu, mengambil kira Pendaftaran Awal Kursus/Tesis/Disertasi bagi program pascasiswazah baharu dilaksanakan dan jumlah pelajar yang mendaftar masih belum mencapai 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar pascasiswazah, pihak Akademik UKM bersetuju untuk melanjutkan tempoh Pendaftaran Awal mulai 7 - 13 Februari 2022 (1 minggu). Sekiranya pelajar masih gagal membuat pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, sebarang permohonan pelanjutan tidak akan dibenarkan.

Merujuk perkara di atas, sukacita sekali lagi memohon pelajar membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

Bil.	Aktiviti
i.	Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan dan Kata laluan (NPP) masing-masing bagi mencapai dan menggunakan laman web <a href="https://smplucee.ukm.my/smpweb">https://smplucee.ukm.my/smpweb</a> . Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing untuk mengelakkan dari disalahgunakan oleh pengguna lain.
ii.	Semua pelajar adalah disyaratkan: <b>1. Membuat Penilaian Pengajaran Kursus/Penyelidikan</b>  Pelajar disyaratkan membuat penilaian pengajaran kursus yang diambil pada semester semasa melalui laman web <a href="https://www.ukm.my/sppp">https://www.ukm.my/sppp</a> . Penilaian ini telah berakhir pada 30 Januari 2022. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan fakulti/institut masing-masing. <b>2. Menjelaskan bayaran semua yuran/hutang tertunggak</b>  Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran yuran/hutang tertunggak, sila berhubung terus dengan <b>Unit Kewangan Pelajar (UKP)</b> <a href="mailto:ukpbendahari@ukm.edu.my">ukpbendahari@ukm.edu.my</a> .



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8388/8453/8452/8468 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Bil.	Aktiviti
iii.	Pendaftaran Awal Kursus/Tesis/Disertasi Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan dilanjutkan pada <b>7 - 13 Februari 2022 (1 minggu)</b> melalui <a href="https://smplucee.ukm.my/smpweb">https://smplucee.ukm.my/smpweb</a> .
iv.	Pendaftaran Awal adalah <b>diwajibkan</b> kepada semua <b>pelajar Pascasiswazah KECUALI</b> pelajar Program Klinikal di <b>Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian, UKM-GSB dan UKM-Shape. Bayaran PTPTN akan ditahan dan denda sebanyak RM50.00 akan dikenakan</b> jika pelajar gagal membuat Pendaftaran Awal pada tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang tidak membuat Pendaftaran Awal hanya dibenarkan membuat Pendaftaran Kursus/Tesis/Disertasi Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 iaitu pada <b>21 Mac 2022 (Pascasiswazah)</b> .
v.	Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya.

2. Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada [smpweb@ukm.edu.my/](mailto:smpweb@ukm.edu.my) [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MUHAMAD WALID OSMAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor, (Akademik dan Antarabangsa)
  - Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Ketua Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
  - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar  
Fakulti/Institut/Pusat
  - Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8388/8453/8452/8468 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)